

tapak kakimu (di medan perjuangan). (11).²⁸ (ingatlah) ketika Tuhanmu mewahyukan kepada para malaikat: “Sesungguhnya Aku bersama kamu (memberi pertolongan), maka tetapkanlah (hati) orang-orang yang beriman. Aku akan mengisi hati orang-orang yang kafir dengan perasaan gerun; oleh itu, pancunglah leher mereka (musuh) dan potonglah tiap-tiap anggota mereka”. (12) (perintah) Yang demikian ialah kerana sesungguhnya mereka menentang Allah dan RasulNya; dan sesiapa yang menentang Allah dan RasulNya, maka sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya. (13). (al-Anfaal:9-13).

٣٩٥٢ - حَدَّثَنَا أَبُو نُعَيْمٍ حَدَّثَنَا إِسْرَائِيلُ عَنْ مُحَارِقٍ عَنْ طَارِقِ بْنِ شِهَابٍ قَالَ سَمِعْتُ ابْنَ مَسْعُودٍ يَقُولُ شَهِدْتُ مِنَ الْمُقَدَّادِ بْنِ الْأَسْوَدِ مَشْهَدًا لَأَنَّهُ أَكُونَ صَاحِبَهُ أَحَبُّ إِلَيَّ مِمَّا عُذِلَ بِهِ أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يَدْعُو عَلَى الْمُشْرِكِينَ فَقَالَ لَا نَقُولُ كَمَا قَالَ قَوْمُ مُوسَى اذْهَبْ أَنْتَ وَرَبُّكَ فَقَاتِلَا وَلَكِنَّا نُقَاتِلُ عَنْ يَمِينِكَ وَعَنْ شِمَالِكَ وَبَيْنَ يَدَيْكَ وَخَلْفَكَ فَرَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَشْرَقَ وَجْهُهُ وَسَرَّهُ يَغْنِي قَوْلُهُ

3952- Abu Nu'aim (al-Fadhl bin Dukain) meriwayatkan kepada kami, katanya: Isra'il (bin Yunus bin Abi Ishaq) meriwayatkan kepada kami daripada Mukhaariq (bin 'Abdillah bin Jaabir al-Bajali al-Ahmasi) daripada Thariq bin Syihaab (al-Bajali al-Ahmasi), katanya: Saya telah mendengar Ibnu Mas'ud bercerita, katanya: Pernah aku

²⁸ Allah s.w.t. menurunkan hujan sebelum berlakunya peperangan Badar kerana beberapa sebab berikut: (1) Supaya tentera Islam mendapat bekalan air. Ini kerana kawasan air yang sedia ada di situ telah pun dikuasai oleh pihak musuh. (2) Kawasan yang diperolehi tentera Islam untuk dijadikan sebagai pangkalan berpasir gembur. Mereka tidak dapat berjalan dan berlari dengan selesa di kawasan itu kerana kaki-kaki mereka selalu terjerlus ke dalam pasir yang bergembur. Keadaan itu membuatkan mereka kepenatan dan kelesuan. (3) Supaya orang-orang Islam membersihkan diri mereka daripada hadats kecil dan hadats besar. Ini kerana orang-orang yang terbiasa dengan keadaan yang suci akan berasa rimas apabila berkeadaan kotor. Dengan turunnya hujan mereka dapat membersihkan diri daripada kekotoran lahir dan batin. (4) Menghapuskan gangguan dan bisikan jahat syaitan yang menimbulkan pelbagai prasangka dan kebimbangan yang bukan-bukan. Itulah yang dimaksudkan dengan pembersihan batin. (5) Memadatkan pasir yang bergembur di kawasan itu supaya mereka dapat bergerak dengan selesa dan pantas tanpa mengalami kepenatan. (6) Hujan telah membuatkan kawasan yang dikuasai musuh yang mewah dengan sumber air itu bertukar menjadi kawasan berbencah yang menyukarkan pergerakan mereka.

menyaksikan Miqdaad bin al-Aswad²⁹ berucap, di mana aku merasakan jika aku yang berucap sedemikian, niscaya lebih baik lagi bagiku daripada apa saja (harta benda dunia) yang dinilai denganannya. Beliau pergi kepada Nabi s.a.w. ketika Baginda s.a.w. sedang mendoakan keburukan untuk orang-orang musyrikin. Lalu berucap: “Kita tidak akan berkata seperti kata kaum (Nabi) Musa: “Pergilah kamu dan Tuhanmu berperang!” Sebaliknya kami akan berperang di sebelah kanan, kiri, di hadapan dan di belakangmu.” Aku melihat wajah Nabi s.a.w. berseri-seri. Ia telah membuatkan Baginda s.a.w. gembira. Maksud beliau (Ibnu Mas`ud) ialah kata-kata Miqdaad itu.³⁰

٣٩٥٣ - حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ حَوْشَبٍ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَهَّابِ حَدَّثَنَا خَالِدٌ عَنْ عِكْرِمَةَ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ بَدْرٍ اللَّهُمَّ إِنِّي أَنْشُدُكَ عَهْدَكَ وَوَعْدَكَ اللَّهُمَّ إِن شِئْتَ لَمْ تُعْبِدْ فَأَخَذَ أَبُو بَكْرٍ بِيَدِهِ فَقَالَ حَسْبُكَ فَخَرَجَ وَهُوَ يَقُولُ سَيُهْزَمُ الْجَنْعُ وَيُؤْلَوْنَ الدُّبُرُ

3953- Muhammad bin `Ubaidillah bin Hausyab (at-Thaa'ifi) meriwayatkan kepada kami, katanya: `Abdul Wahhaab (bin `Abdil Majid ats-Tsaqafi) meriwayatkan kepada kami, katanya: Khalid (al-Hazzaa') meriwayatkan kepada kami daripada `Ikrimah (hamba yang dimerdekakan oleh Ibnu `Abbaas) daripada Ibni `Abbaas (`Abdillah), katanya: “Nabi s.a.w. berdoa pada hari Badar: “Sesungguhnya aku benar-benar mengharap dan menagih janjiMu.³¹ Ya Allah! Jika Engkau menghendaki, niscaya Engkau tidak akan disembah.³²

²⁹ Nama sebenar ayah Miqdaad ialah `Amar bin Tsa`labah al-Kindi. Oleh kerana Al-Aswad pernah mengambil Miqdaad sebagai anak angkatnya, kerana itulah Miqdaad dikatakan bin al-Aswad.

³⁰ Kata-kata Miqdaad itulah yang telah membuatkan wajah Nabi s.a.w. berseri-seri dan membuatkan Baginda s.a.w. gembira.

³¹ untuk menolong rasulMu, memberi kemenangan kepadanya dalam menghadapi musuh dan meninggalkan agamaMu. Janji Allah yang diharap dan ditagih Rasulullah s.a.w. itu ialah apa yang terkandung di dalam firman Allah berikut:

وَلَقَدْ سَبَقَتْ كَلِمَتُنَا لِعِبَادِنَا الْمُرْسَلِينَ ﴿١٧١﴾ إِنَّهُمْ لَهُمُ الْمَنْصُورُونَ ﴿١٧٢﴾ وَإِنَّ جُنَدَنَا لَهُمُ الْغَالِبُونَ ﴿١٧٣﴾

Bermaksud: Dan demi sesungguhnya! Telah tetap janji Kami kepada hamba-hamba Kami yang menjadi rasul, (171). bahawa sesungguhnya mereka itulah yang pasti mendapat pertolongan. (172). dan sesungguhnya tentera Kami (rasul dan pengikut-pengikutnya), merekalah yang pasti menang (dalam menghadapi golongan yang menentang kebenaran). (173). (as-Shaffaat: 171-173). Dan juga yang terkandung di dalam firman Allah ini:

Abu Bakar memegang tangan Baginda seraya berkata: “Cukuplah.”³³ Selepas itu Nabi s.a.w. keluar sambil membaca (firman Allah berikut): **وَيُؤْلُونَ الدُّبُرَ** yang

وَإِذْ يَعِدُكُمُ اللَّهُ إِحْدَى الطَّائِفَتَيْنِ أَنَّهَا لَكُمْ وَتَوَدُّونَ أَنَّ غَيْرَ ذَاتِ الشَّوْكَةِ تَكُونُ لَكُمْ وَيُرِيدُ اللَّهُ أَنْ يُحِقَّ الْحَقَّ بِكَلِمَاتِهِ وَيَقْطَعَ

دَابِرَ الْكَافِرِينَ ﴿٧﴾

Bermaksud: Dan (ingatlah), ketika Allah menjanjikan kepadamu salah satu dari dua golongan (yang kamu hadapi) adalah untukmu, sedang kamu menginginkan yang tidak mempunyai kekuatan senjatalah yang untukmu, padahal Allah menghendaki untuk membenarkan yang benar dengan ayat-ayatNya dan memusnahkan orang-orang kafir seluruhnya. (al-Anfaal:7). Soalnya setelah ada janji-janji seperti itu, kenapakah Rasulullah s.a.w. tetap kelihatan begitu gelisah dan resah? Ketika berdoa memohon pertolongan Allah, selimut yang tersangkut di kedua belah bahu Baginda s.a.w. sampai terjatuh! Ketika orang-orang lain mengantuk dan tertidur, Baginda s.a.w. pula terus bersembahyang dan berdoa hingga ke pagi!! Perlu sekali diketahui bahawa janji akan memberi pertolongan oleh Allah itu bersifat umum. Di dalamnya tidak tersebut di mana tempatnya dan bila masanya. Rasulullah s.a.w. pula sentiasa berada pada maqam seorang hamba yang berhadapan dengan Tuhan yang Maha Kaya. Tuhan yang tidak wajib atasnya suatu apa pun. Tuhan yang mempunyai kuasa mutlaq. Segala apa yang diberiNya dan dijanjikanNya hanyalah merupakan limpah kurniaNya semata-mata. Dalam keadaan itu Rasulullah s.a.w. tentunya berasa gerun dan takut kepadaNya. Jika diandaikan Rasulullah s.a.w. mengetahui waktu pertolongan yang dijanjikan Allah sekalipun, mungkin ia terhenti atas beberapa syarat atau sebab-sebab yang tersembunyi kepada Beliau. Kerana hikmat dan mashlahat tertentu segala-galanya tidak didedahkan, walaupun kepada nabi kesayanganNya sendiri! Keadaan inilah yang membuatkan hamba-hamba Allah seperti para nabi itu lebih merasakan kebesaran, kehebatan dan keagunganNya.

³² Maksudnya ialah Ya Allah! Jika Engkau menghendaki bahawa Engkau tidak disembah lagi selepas hari ini, niscaya Engkau tidak akan disembah, iaitu dengan Engkau memberikan kemenangan kepada mereka dalam perang terhadap orang-orang mu'minin. Kata-kata Nabi s.a.w. ini tidak seharusnya difahami secara mutlaq, dengan erti jika ahli Badar mati kesemuanya, niscaya tidak akan ada langsung orang-orang yang menyembah Allah atau dengan kata lain akan pupuslah terus umat Islam dari muka bumi ini. Sebabnya masih ada ramai lagi sahabat-sahabat Nabi s.a.w., baik lelaki maupun perempuan yang berada di Madinah dan tidak ikut serta dalam perang Badar. Hakikat ini dapat dilihat umpamanya di dalam hadits Ka'ab yang dikemukakan oleh Bukhari sebelum ini. Lihat hadits nombor 3951 yang lalu. Apa yang dimaksudkan dan hendak diisyaratkan oleh Baginda s.a.w. dengan kata-katanya itu ialah ahli-ahli Badar adalah umat Islam yang paling istimewa dan mereka merupakan *hard core* (teras) umat Islam. Kehilangan mereka akan menyebabkan kekurangan besar kepada umat buat selama-lamanya.

³³ Sekali pandang, Abu Bakar nampak lebih yakin dengan janji Allah. Beliau kelihatan tenang, malah dapat menenangkan pula Rasulullah s.a.w. Apakah hakikat sebenarnya? Beberapa jawapan telah diberikan oleh para 'ulama': (1) Abu Bakar Ibnu al-'Arabi, sebagaimana dinukilkan oleh muridnya as-Suhaili ada berkata: “Rasulullah s.a.w. dalam peristiwa khusus ini berada pada maqam “khauf” (takut dan gerun kepada Allah). Abu Bakar pula berada pada maqam rajaa' (menaruh harapan penuh kepada janji Allah). Dalam keadaan seperti itu orang yang berada pada

bermaksud: Kumpulan mereka yang bersatu itu tetap akan dikalahkan dan mereka pula akan berpaling lari. (al-Qamar: 45).

٥- باب

5 - Bab³⁴

maqam khauf adalah lebih sempurna. Kerana Allah s.w.t. dapat melakukan apa saja yang dikehendakiNya. Nabi s.a.w. pula takut Allah tidak akan disembah lagi di bumi ini selepas peperangan Badar (jika ditaqdirkan beliau dan para sahabatnya mengalami kekalahan dan kemusnahan dalam peperangan itu). (2) Al-Khatthaabi berkata: "Tidak harus sama sekali dianggap Abu Bakar lebih yakin dengan janji Allah. Apa yang berlaku sebenarnya menunjukkan betapa Nabi s.a.w. amat menyayangi para sahabatnya. Dalam usaha menguatkan semangat mereka yang akan menghadapi musuh buat kali pertama itu, Rasulullah s.a.w. telah berdoa dengan bersungguh-sungguh untuk menenangkan hati mereka. Justeru, para sahabat itu yakin doa Baginda s.a.w. (selalunya) maqbul dan diterima Allah."

³⁴ Ini ialah satu bab tanpa tajuk. Imam Bukhari sering kali mengadakan bab tanpa tajuk. Para 'ulama' berbeda pendapat tentang maksud beliau berbuat begitu. (1) Kebanyakan 'ulama' berpendapat, bab tanpa tajuk di dalam Sahih Bukhari pada kebiasaannya sama dengan fasal (ceraian) bagi bab yang tersebut sebelumnya. Walaupun kandungannya berbeza daripada kandungan bab sebelum itu, namun tetap ada sedikit sebanyak kaitannya dengan yang sebelumnya atau mungkin juga ia lebih menjelaskan lagi apa yang samar di dalam hadits-hadits bab sebelumnya. Kalau di dalam bab sebelum ini terkandung cerita penyertaan para malaikat dalam perang Badar, maka di dalam hadits di bawah bab ini pula terkandung cerita tentang penyertaan para sahabat tertentu dalam peperangan itu. Bezanya hanyalah bab sebelum ini menceritakan tentang kelebihan para malaikat yang menyertai perang Badar. Bab ini pula menceritakan tentang kelebihan para sahabat yang merupakan manusia biasa yang menyertainya. (2) Menurut Syeikhul Hind, Imam Bukhari sering juga mengadakan bab tanpa tajuk dengan maksud menguji kepintaran para pembaca kitabnya atau dengan tujuan mengasah bakat dan fikiran orang-orang yang mempelajari dan mengkaji kitabnya. Seolah-olahnya beliau berkata, saya saja yang membuat tajuk-tajuk bab. Sekarang kamulah pula cuba membuat bab untuk hadits yang saya kemukakan di bawah nanti. Sudah sekian banyak kamu melihat bagaimana teknik dan kepakaran yang telah saya gunakan untuk mengadakan tajuk bab untuk hadits-hadits. Kamulah pula cuba membuatnya! Apakah gerangan tajuk yang mungkin sesuai untuk hadits Ibnu 'Abbaas yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah bab ini? Setelah diteliti, anda mungkin mengadakan tajuk bab untuknya begini: باب بيان فرق المراتب بين البدرين وغيرهم (Bab menyatakan perbezaan darjat di antara ahli Badar dan bukan ahli Badar), atau boleh juga begini: باب كم من فرق بين البدرين وغيرهم (Bab alangkah banyaknya perbezaan di antara ahli Badar dan bukan ahli Badar) dan sebagainya. Jauh sekali perbezaan darjat di antara ahli Badar dan bukan ahli Badar. Hakikat ini diketahui dan diterima oleh umum para sahabat. Daripada satu hadits yang diriwayatkan oleh Rifa'ah bin Raafi' az-Zuraqi, salah seorang ahli Badar juga dapat diketahui kelebihan ahli Badar daripada bukan ahli